

EK

ECONEWS

DR M YAKIN RUNDINGAN GATT AKAN HASILKAN DAGANGAN DUNIA YANG TERATUR
Daripada Salbiah Said

NEW DELHI, 15 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin rundingan di bawah Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) di Pusingan Uruguay akan menghasilkan perdagangan dunia yang teratur.

Bercakap pada persidangan akhbar untuk para wartawan Malaysia dan India di sini hari ini, Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan kemajuan rundingan GATT setakat ini dan yakin para perunding akan dapat menyelesaikan satu persetujuan baru.

Laporan dari Geneva berkata dua pedagang terbesar dunia, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, telah mencapai persetujuan semalam mengenai pertikaian yang telah menyekat urusan dagangan yang paling besar pernah berlaku.

Wakil Perdagangan AS Mickey Kantor dipetik sebagai berkata beliau dan ketua dagangan EC Sir Leon Brittan, "telah bersetuju untuk tidak bersetuju" mengenai isu subsidi yang dipertikaikan kepada pembuat filem Eropah dan halangan-halangan kepada syarikat-syarikat hiburan Amerika yang mencari kehadiran yang lebih kukuh di seberang Atlantik.

Mereka juga telah memberi jaminan bahawa pertikaian itu tidak harus menyekat persetujuan am baru mengenai tarif dan perdagangan daripada dicapai dengan lebih dari 100 negara lain. -- lagi

EK

ECONEWS

DR M YAKIN GATT 2 NEW DELHI

Bercakap kepada wartawan Malaysia kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia menyedari yang hanya kuasa-kuasa besar seperti EC dan AS akan didengari suara mereka di dalam perundingan seumpamanya dan Malaysia tidak akan "banyak rugi" apabila perjanjian yang teratur dicapai di antara kedua-dua pihak.

"Rundingan GATT haruslah dikendalikan dengan teratur, jika tidak akan terdapat tindakan sehalu atau kecenderungan bersifat dasar perlindungan," katanya.

Mengenai rundingan yang beliau adakan dengan Perdana Menteri India, PV Narasimha Rao dan Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, katanya mereka menyatakan kesal yang sidang kemuncak tahunan keempat G-15 yang dijadualkan diadakan di sini pada 13 Dis telah ditangguhkan.

Bagaimanapun, satu kajian akan dibuat mengenai pencapaian G-15 secara keseluruhan dan mencari cara-cara untuk menggalakkan anggota-anggota lain menghadiri sidang kemuncak yang akan diadakan semula di sini di antara 15 Mac dan 7 April tahun depan.

Pada persidangan akhbar bersama itu, Dr Mahathir telah ditanya mengenai pelbagai perkara seperti kisah kejayaan penswastaan Malaysia, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), pertikaian diplomatik di antara Malaysia dan Australia dan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan India.

Mengenai penswastaan, katanya para pekerja diberi jaminan bahawa mereka akan meraih faedah daripadanya.

Dalam hal Malaysia, para pekerja Telekom Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Pos diberi imbuhan dengan lumayan hasil daripada penswastaan, dan jabatan-jabatan lain juga berminat untuk menswastakan entiti-entiti mereka.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir bersetuju bahawa penswastaan sememangnya menyumbang kepada pertumbuhan yang cergas di dalam ekonomi Malaysia, sambil menambah, malahan Malaysia menjangka mencatatkan imbalan sebenar di dalam pendapatan dan perbelanjaan sebenar kerajaan pada belanjawan tahun 1994.

Mengenai pertikaian yang disebabkan oleh kenyataan Perdana Menteri Australia Paul Keating mengenainya, Dr Mahathir berkata, "Orang Australia nampaknya berfikir mereka boleh menyuruh kita apa akan dibuat mengenai hak kemanusiaan dan demokrasi, dan mereka fikir mereka mempunyai monopoli terhadap perkara-perkara itu.

"Tetapi jika kita tidak fikir begitu dan kita katakan begitu, mereka tidak suka, dan ini boleh menyebabkan banyak masalah," katanya.

Mengenai rundingan dua hala yang beliau adakan dengan Rao, Perdana Menteri berkata perbincangan tertumpu kepada kerjasama dua hala yang lebih besar memandangkan India secara serius sedang meliberalisasikan pasarannya.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia berminat menyertai usahasama dan pengeluaran dalam sektor telekomunikasi dan perhubungan.

"Kedua-dua negara percaya terhadap kerjasama Selatan-Selatan dan kerana itulah kami menekankan kepentingannya daripada awal lagi. Kami adalah penyanjung G-15," kata Dr Mahathir.

Mengenai bagaimana India boleh mencapai pertumbuhan dinamik seperti ekonomi Malaysia, beliau berkata sebarang perubahan akan mengambil masa dan adalah tidak mudah untuk mencapainya kerana rakyatnya perlu menerima dan menyesuaikan diri kepada perubahan.

"Ja akan mengambil masa sebelum 850 juta penduduk boleh menyesuaikan diri kepada sistem yang asing setelah lebih 40 tahun hidup dalam ekonomi berpusat yang terancang, kata beliau.

Mengenai bagaimana India boleh mempelajari daripada pengalaman penswastaan Malaysia, beliau berkata, "Kami perlu melaksanakan banyak undang-undang dan agensi yang melaksanakan pendekatan itu serta menjadikan pembangunan ekonomi kami."

India perlu melaksanakan rancangan-rancangan seperti itu sebagai penyediaan kepada pasaran ekonomi sebelum ia boleh menjadi terbuka sepenuhnya. India perlu mengambil banyak langkah sebelum ia boleh menjadi terbuka sepenuhnya dan liberal," kata beliau.

Dr Mahathir yang dipertanggungjawabkan untuk menimbang kemasukan China dan Iran dalam kumpulan G-15 berkata, China menyokong kumpulan itu tetapi Iran belum lagi ditanya. -- Bernama